

# Kereta nasional dijangka tingkat penguasaan pasaran

**Sektor** automotif, yang menjadi antara petunjuk penting pertumbuhan ekonomi negara dijangka kekal positif untuk tahun ini dengan jumlah keluaran industri (TIV) diunjurkan mencecah 599,000 unit, meningkat 2.1 peratus berbanding 2018.

MIDF Research berkata, kenderaan nasional dijangka meningkatkan penguasaan pasaran pada 2019, berikutan pelancaran model baharu untuk tempoh enam bulan.

"Harga Proton X70 meletakannya di kedudukan B segmen spesifikasi tinggi, C segmen spesifikasi rendah dan B segmen kenderaan utiliti sukan (SUV), manakala PERODUA pula bakal menawarkan saingan kepada model itu apabila dijangka memperkenalkan SUV pada suku pertama 2019.

"Memandangkan SUV baharu

ini akan meluaskan tawaran produk kenderaan tempatan, kami mengunjurkan PROTON meluaskan penguasaan pasaran kepada 13.9 peratus," katanya dalam satu nota.

## Kajian semula NAP

Katanya, kajian semula NAP pada 2019 mampu mencetuskan ketidaktentuan kerana ia mungkin merangkumi langkah-langkah menyokong projek kereta nasional ketiga.

"Rancangan itu masih tidak jelas, tetapi berkaitan insentif signifikan untuk model kereta nasional baharu dari segi cukai dan halangan untuk kenderaan bukan tempatan, ia mungkin mengubah landskap semasa," katanya.

Tahun 2018 dilihat sebagai tahun yang baik untuk sektor automotif tempatan apabila kebanyakan

daripada syarikat automotif menunjukkan peningkatan prestasi jualan kenderaan sepanjang tahun lalu berbanding 2017.

Dorongan utama kepada prestasi memberansangkan itu kebanyakannya disumbangkan semasa tempoh pelepasan cukai pada suku ketiga apabila kerajaan mengumumkan kadar sifar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dari 1 Jun hingga 31 Ogos lalu sebelum memperkenalkan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Tempahan dan pembelian kenderaan pada tempoh itu menyaksikan peningkatan mendadak berbanding tempoh sama 2017 apabila ramai menggunakan kesempatan itu untuk mendapatkan kenderaan pada harga yang lebih murah.

Malah, sehingga November lalu, jumlah jualan sudah mencecah

550,526 unit, naik lima peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

## Peningkatan jualan akhir tahun

Persatuan Automotif Malaysia (MAA) turut menjangkakan jualan kenderaan pada bulan Disember akan meningkat sedikit berbanding November, dipacu melalui pelaksanaan kempen promosi akhir tahun yang agresif peserta industri.

Dari segi pelancaran model baharu, 2018 tidaklah begitu berbeza berbanding tahun sebelumnya, apabila peserta industri terus memperkenalkan produk terbaharu untuk pasaran tempatan.

Bagaimanapun, tahun lalu, menyaksikan penekanan inisiatif oleh peserta industri untuk menghasilkan kenderaan yang dilengkapi dengan teknologi baharu seperti ciri bantuan pemanduan dan penggu-

naan kecerdasan buatan (AI). Tumpuan utama bagi tahun ini sememangnya pada Proton X70 iaitu model SUV dihasilkan PROTON dengan kerjasama Zheijiang Geely Holding Group Co Ltd (Geely).

PERODUA Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA) turut melakar kejayaan tersendiri pada 2018 apabila mencapai pengeluaran 500,000 unit kenderaan cepak tenaga, sekali gus menjadikannya syarikat pendahulu EEV di Malaysia.

Sejak Dasar Automotif Nasional 2014 (NAP 2014) diperkenalkan, syarikat itu sudah menghasilkan lebih 344,000 Axia, 130,800 Bezza dan 75,800 Myvi baharu sehingga November lalu.

Malah, PERODUA juga memiliki penguasaan pasaran automotif tempatan terbesar pada 2018 diikuti Honda.